

## KARAKTER MUADDIB DAN INTERAKSI BERMAKNA DALAM PDP PENDIDIKAN ISLAM: SUATU SOROTAN

### *THE CHARACTER OF THE MUADDIB AND MEANINGFUL INTERACTION IN THE TEACHING AND LEARNING OF ISLAMIC EDUCATION: A REVIEW*

Nur Afifah Saharudin<sup>1</sup>, Ahmad Firdaus Mohd Noor<sup>2\*</sup>, Mohd Zahirwan Halim Zainal  
Abidin<sup>3</sup>, Mohd Nasir Ayub<sup>4</sup>Wan Norina Wan Hamat<sup>5</sup> & Norhaslina Sulaiman<sup>6</sup>

<sup>1&5</sup>*Pelajar Pascasiswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM)  
Cawangan Perak*

*(E-mail: nurafifahbintisaharudin@gmail.com)*

<sup>2\*&3</sup>*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara(UiTM) Cawangan Perak  
(E-mail: firdausnoor@uitm.edu.my )*

<sup>4</sup>*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara(UiTM) Cawangan Pahang  
<sup>6</sup>Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ungku Omar, Ipoh*

*\*Corresponding Author*

#### Article history

Received date : 20-2-2026  
Revised date : 25-2-2026  
Accepted date : 10-3-2026  
Published date : 12-3-2026

#### To cite this document:

Saharudin, N. A., Noor, A. F. M., Zainal Abidin, M. Z. H., Ayub, M. N., Wan Hamat, W. N. W., & Sulaiman, N. (Year). Karakter muaddib dan interaksi bermakna dalam PDP Pendidikan Islam: Suatu sorotan. *Islamic Journal Of Cultural Studies (IJCS)*, 2(1), 95-109.

---

**Abstrak:** *Peralihan pedagogi mendorong kepada amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) ke arah pendekatan aktif dan interaktif untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam bilik kuliah. Namun demikian, interaksi yang aktif tidak menghasilkan pembelajaran yang bermakna kerana interaksi pedagogi sering tertumpu kepada penyertaan pelajar tanpa menyepadukan dimensi nilai, adab dan pembentukan makna. Pembelajaran bermakna dalam pendidikan Islam perlu difahami sebagai proses yang menyatukan ilmu, amal dan akhlak melalui kerangka ta'dib. Walau bagaimanapun, kajian pedagogi interaktif lebih menumpukan strategi instruksional dan penglibatan pelajar berbanding peranan pendidik sebagai muaddib. Selain itu keterbatasan kemahiran mikro pedagogi dalam kangan pendidik untuk menafsir, merespons dan membina hubungan pedagogi yang berkualiti turu menyumbang kepada interaksi yang kurang bermakna dalam PdP. Oleh itu, artikel ini bertujuan menghuraikan konsep muaddib dan menganalisis dimensi karakter pendidik dalam pedagogi Pendidikan Islam melalui sorotan literatur. Sorotan ini distrukturkan kepada lima imensi karakter muaddib iaitu, adab dan integriti, qudwah hasanah, Rahmah dalam hubungan pendidik dan pelajar, hikmah pedagogi serta reflektif dan muhasabah. Implikasi karakter muaddib yang kompeten menghasilkan interaktiviti PdP yang membimbing pembentukan*

*ilmu, kesedaran manah ilmu dan adab pelajar.*

**Kata Kunci:** *Muaddib, Karakter Pendidik, Interaksi Bermakna, Pedagogi Pendidikan Islam, PdP Interaktif*

**Abstract:** *Pedagogical shifts have encouraged teaching and learning practices toward more active and interactive approaches to enhance student engagement in the classroom. However, active interaction does not necessarily lead to meaningful learning, as pedagogical interactions often emphasise student participation without integrating the dimensions of values, adab and the construction of meaningful learning. In the context of Islamic education, meaningful learning should be understood as a process that integrates knowledge ('ilm), practice ('amal) and moral character through the framework of ta'dib. Nevertheless, studies on interactive pedagogy tend to focus more on instructional strategies and student engagement rather than on the role of educators as muaddib. In addition, limitations in micro-pedagogical skills among educators in interpreting classroom situations, providing pedagogical responses and building quality pedagogical relationships also contribute to the lack of meaningful interactions in teaching and learning practices. Therefore, this article aims to clarify the concept of muaddib and analyse the dimensions of educators' character in Islamic education pedagogy through a literature review. The review is structured around five dimensions of muaddib character, which include adab and integrity, qudwah hasanah, rahmah in teacher-student relationships, pedagogical wisdom, as well as reflective practice and muhasabah. The findings suggest that the presence of a competent muaddib character in educators can foster interactive teaching practices that guide the formation of knowledge, cultivate an awareness of the trust of knowledge and nurture students' adab.*

**Kata Kunci:** *Muaddib, Character of Educator, Meaningful Interaction, Islamic Education Pedagogy, Interactive Teaching and Learning*

---

## PENGENALAN

Perubahan pedagogi global telah mengubah dan mereka bentuk kurikulum Pendidikan Islam kepada persekitaran pembelajaran yang berpusatkan pelajar, aktif dan interaktif. Pembelajaran yang berkesan menekankan penyertaan, kerjasama dan penglibatan yang aktif dan efektif selari dengan paradigma konstruktivis yang memberi ruang pelajar memahami melalui pengalaman pembelajaran yang bermakna. (Bocca-Aldaqr, 2019; Kamil & Amin, 2023) Pembaharuan pendidikan Islam harus beralih daripada hafalan kepada pedagogi reflektif, situasi semasa dan responsif. Oleh hal yang demikian, pendekatan ini mendorong kepada strategi pengajaran seperti perbincangan, kerja berkumpulan, pembelajaran kolaboratif dan penggunaan teknologi bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam proses PdP. Namun demikian, interaksi yang aktif dalam bilik kuliah tidak semestinya menghasilkan pembelajaran yang bermakna kerana interaksi pedagogi yang dilaksanakan belum mampu menyepadukan dimensi intelektual, nilai dan pembentukan akhlak dalam diri pelajar (Halstead, 2004). Oleh itu, keperluan kepada kerangka yang melibatkan pedagogi interaktif perlu meletakkan peranan pendidik untuk membentuk makna terhadap penyertaan pelajar dalam pembelajaran.

Pembelajaran yang bermakna dalam Pendidikan Islam tidak terhad kepada pengukuhan intelektual tetapi merangkumi penyatuan pengetahuan ('ilm), tindakan ('amal) dan akhlak dalam proses ta'dib (Al-Attas, 1999; Ahmad, 2021). Tradisi pendidikan Islam klasik menegaskan peranan pendidik bukan sahaja sebagai fasilitator tetapi sebagai contoh tauladan (qudwah) untuk membimbing pelajar memahami makna dengan ilmu dan amal. Ibn Khaldun menegaskan bahawa penerapan nilai dan amalan dilaksanakan secara bertahap melalui latihan, pengulangan dan bimbingan yang berterusan bagi pembentukan malakah diri pelajar dengan berperanan sebagai mentor (Mohd Zahirwan Halim et al., 2021). Namun demikian, kajian lepas menjelaskan bahawa kaedah pembelajaran aktif boleh meningkatkan penyertaan namun tidak semestinya menghasilkan penghayatan nilai dan pembentukan karakter (Norliza & Hidayat, 2021). Oleh itu, interaktiviti dalam pengajaran tidak menjamin pembelajaran bermakna tetapi keperluan kepada karakter pendidik yang kompeten dan berperanan sebagai muaddib boleh dibincangkan secara konseptual berkaitan ciri-ciri keperibadiannya

Kerangka ta'dib menjelaskan pendidikan difahami sebagai penanaman adab melalui kehadiran pendidik yang berdisiplin dan berautoriti (Ahmad, 2021). Faktor yang menyumbang kepada isu ini ialah keterbatasan kemahiran pedagogi dalam kalangan pendidik untuk menafsir situasi pembelajaran, memberi respons pedagogi dan menambahbaik hubungan antara pendidik dan guru. Namun begitu kajian tentang pedagogi interaktif lebih banyak menumpukan kepada strategi instruksional dan penglibatan pelajar berbanding peranan karakter pendidik sebagai agen pembentuk makna. Manakala kajian yang membincangkan pendekatan muaddib dalam pengajaran menunjukkan bahawa dimensi watak pendidik memainkan peranan signifikan dalam membentuk suasana pembelajaran (Salinda & Mohamad Zulkifli, 2022). Walau bagaimanapun, kajian dimensi watak pendidik kurang dioperasikan secara konseptual terhadap pembentukan interaksi bermakna dalam PdP. Malah hubungan antara karakter muaddib dengan pembentukan interaksi bermakna memerlukan konsep yang lebih mendalam sebagai wacana pedagogi interaktif.

Justeru, artikel ini bertujuan menghuraikan konsep muaddib dan peranan karakter pendidik dalam Pendidikan Islam. Selain itu, menjelaskan interaksi bermakna tidak difahami sebagai fenomena pedagogi sahaja tetapi sebagai hasil daripada struktur keperibadian watak pendidik yang mengoperasikan ta'dib dalam amalan PdP. Sehubungan itu, cadangan kerangka pedagogi Pendidikan Islam interaktif menjelaskan hubungan antara karakter muaddib dan pembentukan interaksi perlu dimaknakan sebagai proses ta'dib. Ketiadaan dimensi karakter muaddib mempengaruhi wacana pedagogi interaktif. Maka, faktor interaktiviti PdP cenderung difahami secara rutin PdP bukan pembentukan makna yang bersifat penyatuan kognitif, afektif dan praktis. Oleh itu keperluan menjelaskan dimensi pedagogi interaktif dengan mengetengahkan adab, integriti, rahmah, hikmah pedogogi, qudwah hasanah dan muhasabah diri dapat berfungsi menghidupkan interaksi bermakna dalam PdP Pendidikan Islam.

### **Objektif Kajian**

1. Menghuraikan konsep muaddib dan peranan karakter pendidik dalam Pendidikan Islam berdasarkan sorotan literatur.
2. Menganalisis dimensi karakter muaddib dalam pedagogi Pendidikan Islam.
3. Mencadangkan kerangka hubungan antara karakter muaddib dan interaksi bermakna bagi memperkukuh amalan PdP Pendidikan Islam.

## METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini merupakan kertas konsep yang menggunakan pendekatan tinjauan literatur secara naratif bagi menghuraikan dan mensistesis konsep muaddib, karakter dan peranannya sebagai konstruk pedagogi dalam membentuk interaksi bermakna dalam PdP interaktif Pendidikan Islam. Pendekatan tinjauan literatur naratif dipilih kerana tinjauan naratif membolehkan penyelidik mengintegrasikan pelbagai perspektif kajian serta menilai dan mensintesis kajian terdahulu bagi memahami sesuatu fenomena kajian yang komprehensif (Sukhera, 2022). Malah, tinjauan naratif ini sesuai untuk menghimpunkan pelbagai jenis kajian samada teoritikal dan empirical bagi membina kefahaman dengan mencadangkan kerangka dalam sesuatu bidang kajian (Ferrari, 2015; Sukhera, 2022)

Sehubungan itu, pencarian sumber literatur dilaksanakan dalam pangkalan data iaitu Scopus, Web of Science dan Google Scholar. Sorotan ini memberi tumpuan kepada literatur yang membincangkan konsep muaddib dalam tradisi Pendidikan Islam, pedagogi yang berkaitan interaksi PdP, Tambahan pula, kata kunci yang digunakan ialah muaddib, Pendidikan Islam, personaliti pendidik, qudwah hasanah, peranan pendidik dan karakter, PdP interaktif, pembelajaran reflektif dan hubungan pendidik dan pelajar serta adab dalam berinteraksi. Artikel jurnal dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti pola perbincangan. Kemudian, perbincangan kajian lepas turut distrukturkan kepada dimensi karakter muaddib dalam pedagogi Pendidikan Islam iaitu adab dan integriti, Rahmah dalam hubungan pendidik dan pelajar, qudwah hasanah, hikmah pedagogi serta reflektif dan muhasabah. Walau bagaimanapun, sorotan naratif ini tidak bertujuan menghasilkan dapatan empirikal tetapi menumpukan perbincangan dan sintesis berdasarkan kajian – kajian lepas. Artikel ini membina pemahaman tentang peranan dan karakter pendidik sebagai asas pembentukan interaksi bermakna dalam PdP interaktif Pendidikan Islam (Snyder, 2019; Sukhera, 2022).

## MUADDIB DAN PENDIDIKAN ISLAM

Konsep *muaddib* ditakrifkan melalui peranan pendidik dalam membentuk adab yang akan menyumbang kepada sahsiah yang terpuji. Al-Attas menakrifkan ta'dib adalah asas pendidikan yang mempunyai proses pengenalan dan pengiktirafan tempat yang tepat bagi sesuatu yang merangkumi dimensi intelektual, moral dan spiritual (Al-Attas, 1999; Suyono et al., 2026). Selain itu Bocca-Aldaqr, (2019) membezakan antara ta'dib dan tarbiyah dengan merujuk kepada konsep utama yang melibatkan Islamisasi ilmu dan epistemologi Pendidikan Islam. Manakala, Wan Daud, (2010) menyatakan proses ini adalah konsep yang menyeluruh merangkumi ta'lim dan tarbiyah dalam melahirkan manusia yang mengintegrasikan ilmu, amal dan akhlak (Ahmad, 2021). Oleh hal yang demikian, takrifan muaddib adalah daripada proses ta'dib yang dilaksanakan oleh pendidik yang menjadikan pelajar memahami disiplin ilmu dan mengamalkannya untuk menjadi orang yang berakhlak. Malah nilai akhlak diambil kira sebagai asas pembentukan personaliti (Norliza & Hidayat, 2021).

Konstruk peranan pendidik kini adalah sebagai fasilitator kandungan atau penpendidiks pembelajaran yang bertanggungjawab membentuk makna dalam pendidikan. Namun, nilai pendidikan tidak boleh hanya pemindahan kognitif (ta'lim) mahupun sekadar membimbing tarbiyah, tetapi proses ontologi yang meletakkan ilmu di tempat yang betul berhubung dengan kebenaran dan tujuan utama (Al-Attas, 1999). Ibn Khaldun menerapkan pendidikan yang pragmatis berteraskan nilai al-Quran dan Sunnah dengan menerapkan elemen tadarruj, tkrar dan tajribah yang akan membentuk makalah ilmu yang membentuk sifat dalaman pelajar (Mohd Zahirwan Halim et al., 2021; Kamil & Amin, 2023). Malah, pendidikan yang difahami sebagai proses pembuatan makna menunjukkan ilmu mesti diselitkan dengan tujuan dan hala

tuju. Hal ini menjadikan pendidikan bersifat komprehensif dengan dimensi spiritual, intelektual dan sosial (Wan Daud, 2010)

Justeru, dalam konteks ini, muaddib bukanlah gelaran simbolik tetapi merupakan satu konstruk pedagogi yang memusatkan semula pendidikan Islam kepada makna, susunan nilai dan kedalaman hubungan. Oleh itu, interaksi bermakna dalam PdP kini harus mempunyai interaktiviti yang aktif dan penerapan watak pendidik sebagai pengantara ilmu dan nilai. Malah, menentukan pelaksanaan pedagogi dan aktiviti yang berupaya menghasilkan karakter muaddib sebagai konstruk untuk menghasilkan pelajar yang berilmu dan berakhlak.

## **KARAKTER MUADDIB SEBAGAI KONSTRUK PEDAGOGI**

Pendidik yang muaddib berperanan membentuk bagaimana pengajaran yang bermakna boleh menghasilkan insan yang beradab (Al-Attas, 1999; Bocca-Aldaqr, 2019). Hal ini kerana konsep pendidik tidak terhad kepada peranan mu'allim iaitu penyampai ilmu. Karakter pendidik adalah pendidik menjadi elemen penting yang menentukan keberhasilan proses pembelajaran. Oleh hal yang demikian, pedagogi Pendidikan Islam menjelaskan pengajaran interaktif perlu ditingkatkan aktiviti yang bermakna dengan watak pendidik yang mengaktifkan sumbang saran, dialog dan respon maklum balas dalam bilik kuliah. Salinda & Mohamad Zulkifli, (2022) meletakkan watak atau karakter sebagai asas kepada tindakan pedagogi bagi menentukan bagaimana pendidik melihat pelajar sebagai pelaku moral dengan didikan yang mempamerkan nilai dan sahsiah yang baik. Tambahan pula, pendidik berupaya mentafsir situasi kuliah dan penpendidikan instruksional yang sistematik (Salinda & Mohamad Zulkifli, 2022). Pemerhatian kuliah turut menilai pengajaran sebagai persekitaran yang memahami kehadiran pelajar, tafsiran situasi dan bertindak balas atau respon untuk pembelajaran berkesan.

Pendidik adalah agen pembentukan adab melalui interaksi, pertuturan, amanah dan keteladanan. Ahmad Firdaus et al., (2024) menggariskan tiga kluster yang menunjukkan karakter muaddib iaitu spiritual, interpersonal dan profesional iaitu memberi peringatan agama, mengawal nafsu, interaksi dan pertuturan yang baik, tauladan serta tanggung jawab amanah pendidik (Ahmad Firdaus et al., 2024). Konsep ta'dib yang ditekankan oleh Ahmad (2021) turut menyatakan karakter muaddib boleh melahirkan insan yang mampu mengharmonikan dimensi intelek dan nilai dalam setiap tindakan. Hal ini kerana amalan pedagogi yang dibentuk dengan konsep ta'dib bukan hanya aktiviti interaktif atau penggunaan teknologi tetapi keputusan pedagogi berasaskan hikmah dan kesedaran nilai. Namun, krisis etika digital yang dibincangkan oleh Suyono et al., (2026) mengukuhkan kepentingan karakter muaddib.

Pembentukan peribadi pelajar adalah hasil dari prinsip muaddib yang menjadikan dirinya sebagai qudwah hasanah. Karakter profesionalisme ini menjadi medium pembentukan makalah kerana pelajar bukan hanya mempelajari isi kandungan tetapi membentuk cara berfikir, bertindak dan berinteraksi (Kamil & Amin, 2023) Hal ini ditegaskan oleh Wan Mohd Noor, (2010) hasil daripada prinsip muaddib sebagai qudwah hasanah pendidik berperanan untuk mempamerkan adab melalui pengamalan keadilan terhadap diri dan orang lain, mengawal dorongan nafsu serta mengutamakan kebijaksanaan dalam setiap tindakan pedagogi. Pendekatan muaddib yang digariskan oleh Salinda dan Mohd Zulkifli, (2022) ialah muaddib perlu mempunyai hubungan baik dengan prihatin terhadap keperluan pelajar, menepati masa, memberi contoh akhlak, berpakaian mengikut syariat, rendah diri, sopan dan beretika dalam pendekatan dakwah iaitu *bil hikmah* dan *mau'izatul hasanah*. Oleh hal yang demikian, pendidik perlu berhati-hati dari melakukan perkara yang bertentangan kerana Al-Attas turut menjelaskan akibat daripada kehilangan adab akan hilang keutamaan ilmu, darjat

serta terhakis autoriti dan tidak mampu memimpin makna dalam pembelajaran (Al-Attas, 1999).

## DIMENSI KARAKTER MUADDIB DALAM PEDAGOGI PENDIDIKAN ISLAM

Pedagogi Pendidikan Islam perlu diperkasakan dengan menekankan karakter muaddib dalam beberapa dimensi pedagogi. Dimensi yang dikenal pasti membentuk konsep karakter muaddib ialah adab dan integriti, qudwah hasanah, rahmah dalam hubungan pendidik dengan pelajar, hikmah pedagogi serta reflektif dan muhasabah. Pendidikan Islam sentiasa mengetengahkan setiap perbuatan dan tingkah laku adalah bertujuan untuk memperbaiki diri agar berusaha menjadi lebih baik dengan mencontohi akhlak Rasulullah S.A.W. seperti dalam Surah Al-Qalam (68:4):

“Dan sesungguhnya engkau (Muhammad) benar-benar memiliki akhlak yang agung.”

Ayat ini menggambarkan bahawa akhlak Rasulullah S.A.W. mesti dicontohi oleh seorang pendidik yang tugas dan amanahnya bukan sekadar menyampaikan ilmu tetapi membimbing pelajar untuk menjadi insan yang beradab. Oleh itu pendidik Pendidikan Islam perlu dilatih dengan disiplin ilmu dan karakter yang berwibawa agar mampu berperanan sebagai *role model*. Hal ini membantu pelajar memahami dan mengamalkan nilai yang disampaikan dalam kehidupan dan cara hidup Islam. Penghayatan nilai agama membuktikan kepentingan dalam membentuk kesejahteraan emosi, kawalan diri dan tingkah laku positif yang menyumbang kepada pembentukan karakter yang seimbang dan holistik (Khairunnisa et al., 2025).

### a. Adab dan Integriti

Adab merupakan asas yang berfungsi memelihara manusia daripada kesilapan pertimbangan serta mencegah penyalahgunaan ilmu agar selari dengan kebenaran. Al-Attas (1999) menegaskan bahawa Pendidikan dalam Islam tidak hanya proses penyampaian maklumat dengan meletakkan ilmu pada kebenaran dengan usaha menanam adab hingga melahirkan insan mengenal diri dan tanggungjawab dalam kehidupan (Al-Attas, 1999)(Bambang & Wekke, 2025). Kegagalan memahami konsep ini mengakibatkan berlakunya krisis kehilangan adab dalam masyarakat seperti kekeliruan ilmu dan kemerosotan integrity. Muaddib tidak digalakkan membina budaya pembelajaran yang sekadar mengejar keberkesanan aktiviti. Oleh hal yang demikian, dalam konteks pedagogi muaddib ilmu perlu disampaikan bersama disiplin diri dan rasa bertanggung jawab agar proses Pendidikan bukan hanya menghasilkan pelajar yang berpengetahuan malah menjadi insan yang berakhlak dan berintegriti

Prinsip integriti turut ditegaskan dalam al-Quran melalui peringatan kepada setiap insan agar tidak bercanggah antara ucapan dan perbuatan dalam Surah As-Saff 61:2. Karakter muaddib perlu mempamerkan nilai amanah ilmu yang diamalkan sebagai teladan kepada pelajar. Sesungguhnya Allah S.W.T. S.W.T berfirman:

“Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu mengatakan sesuatu yang kamu tidak lakukan?”

Ayat ini menjadi asas integriti pedagogi dalam Pendidikan Islam kerana seorang pendidik bukan hanya bertanggungjawab menyampaikan ilmu tetapi perlu konsisten dengan ucapan, Tindakan dan komitmen nilai dalam kehidupan. Hal ini selari dengan (Abdul Hamid, 2025) yang menegaskan bahawa adab bukan sekadar etika luaran seperti sopan santu tetapi melibatkan dimensi dalaman seperti keikhlasan, kerendahan hati dan disiplin dalam menuntut dan mengamalkan ilmu. Manakala, pendidik dalam Pendidikan Islam memainkan peranan

yang besar kerana mempunyai pengaruh yang signifikan dalam membentuk penghayatan agama dan keperibadian pelajar melalui contoh tingkah laku dan interaksi sosial yang dalam proses pembelajaran (Nurul Asiah Fasehah & Noornajihan, 2021).

Adab berfungsi dalam kehidupan pelajar sebagai mekanisme pembentukan nilai. Pembentukan karakter yang berintegriti perlu diasaskan dengan nilai kejujuran, amanah, tanggungjawab dan disiplin yang mencontohi akhlak Rasulullah S.A.W. S.A.W sebagai model insan beradab dan berakhlak. Oleh itu nilai ini bukan sahaja membentuk keperibadian individu, malah membantu melahirkan masyarakat yang adil, bertanggungjawab dan harmoni (Irpan et al., 2023). Kajian pendekatan muaddib oleh Salinda & Mohamad Zulkifli, (2022) menegaskan bahawa pendidik perlu memiliki disiplin kerohanian dengan konsisten dan selari dengan watak yang dipamerkan kerana sentiasa diperhatikan pelajar. Justeru, Pendidikan Islam yang menekankan penghayatan akhlak dan nilai berupaya mengurus tingkah laku, membentuk keperibadian dan motivasi pelajar dalam kehidupan seharian (Norliza & Hidayat, 2021).

#### **b. Qudwah Hasanah**

Qudwah hasanah ialah keteladanan yang ditunjukkan oleh pendidik melalui penyelarasan antara ilmu, nilai dan tindakan. Pendidikan Islam menekankan pembentukan manusia beradab melalui contoh tingkah laku yang ditunjukkan oleh pendidik kepada pelajar. Nurul Asiah Fasehah & Noornajihan, (2021) merumuskan antara tujuan Pendidikan Islam ialah pembentukan akhlak manusia melalui proses ta'dib perlu selari peranannya sebagai khalifah Allah S.W.T. s.w.t. Oleh itu, pendidikan adab menurut Ahmad & Undang Ruslan, (2024) memberi implikasi terhadap pembentukan karakter, pemahaman agama, reformasi pendidikan dan dialog antara budaya yang relevan dengan Pendidikan Islam. Nilai keteladanan yang tidak dipamerkan boleh membawa kepada krisis adab yang boleh menjejaskan pembentukan karakter malah boleh mengganggu keteguhan spiritual, kawalan diri dan personaliti (Bambang & Wekke, 2025).

Konsep keteladanan ini dibicarakan dalam Surah Al Ahzab 33: 21 yang menjadikan Rasulullah S.A.W. sebagai model pendidikan terbaik. Sepertimana firman Allah S.W.T.:

“Sesungguhnya pada diri Rasulullah S.A.W. itu terdapat contoh teladan yang baik bagi kamu.”

Ayat ini menunjukkan bahawa teladan itu dinilai dan dilihat melalui tingkah laku yang dipamerkan oleh pendidik. Rasulullah S.A.W. S.A.W bukan hanya menyampaikan wahyu bahkan mempamerkan secara amali praktikal bagaimana nilai Islam diamalkan dalam kehidupan seharian. Oleh hal yang demikian, pendidik perlu mencontohi pendekatan yang menampilkan akhlak yang terpuji sepertimana yang di ajarkan kepada pelajar. Guru diiktiraf sebagai qudwah hasanah apabila tutur kata, amalan dan tingkah laku guru mesti mencerminkan kurikulum adab malah, guru diperhatikan oleh pelajar sebagai kurikulum bergerak dan hidup (Ahmad Sukari & Noraziah, 2024)

Qudwah hasanah memainkan peranan penting dalam konteks pedagogi untuk membentuk hubungan pembelajaran yang bermakna antara pendidik dan pelajar. Pelajar membentuk kefahaman melalui interaksi dengan pendidik sama ada melalui pemerhatian terhadap nilai dan adab dalam persekitaran pembelajaran. Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan ilmu bukan hanya keberkesanan pengajaran tetapi kewibawaan akhlak pendidik yang dizahirkan melalui tindakan. Sifat kasih sayang, keikhlasan, kebijaksanaan dalam memberi nasihat serta berhikmah dalam membimbing pelajar mempengaruhi qudwah membentuk sahsiah dan adab pelajar secara berterusan (Sofiah Mohamed et al., 2016). Walau bagaimanapun kajian

berkaitan profil akhlak guru Pendidikan Islam masih berhadapan dengan cabaran yang menunjukkan isu terhadap kewibawaan akhlak dalam melaksanakan peranan qudwah hasanah(Salbiah et al., 2018).

Sehubungan itu, pedagogi muaddib menunjukkan keperibadian pendidik yang dinilai berdasarkan qudwah hasanah bukan hanya karakter peribadi. Namun, elemen penting yang membawa kewibawaan akhlak dan kepercayaan pelajar terhadap proses PdP yang konsisten. Tambahan pula, kepimpinan melalui teladan yang dipamerkan oleh pendidik diterjemah secara praktikal oleh karakter muaddib yang bukan bersifat kognitif.

### **c. Rahmah dalam Hubungan Pendidik dan Pelajar**

Hubungan antara pendidik dan pelajar bukan hanya bersifat sehala dan akademik tetapi harus dibina atas asas yang dinamakan rahmah. Oleh itu, sikap empati, kasih sayang dan keprihatinan terhadap perkembangan dan potensi pelajar adalah asas rahmah. Rahmah dalam konteks pendidikan merujuk kepada pendekatan mendidik yang menekankan bimbingan yang penuh perhatian dan lemah lembut serta komitmen untuk membantu pelajar mencapai kebaikan dari segi intelektual dan kerohanian. Pendekatan ini selari dengan kajian (Salinda & Mohamad Zulkifli, 2022) yang menyatakan matlamat utama pendidikan perlu membimbing perkembangan sahsiah pelajar melalui hubungan yang membina dan berterusan.

Konsep Rahmah ini ditekankan dalam al-Quran tentang kepentingan kelembutan dan kasih sayang dalam membimbing manusia. Allah S.W.T. berfirman dalam Surah Ali Imran 3: 159:

“Maka disebabkan Rahmat dari Allah S.W.T. engkau berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya engkau bersikap keras lagi berhati kasar, nescaya mereka akan menjauhkan diri dari sekelilingmu”

Ayat ini menunjukkan bahawa pendekatan yang lembut dan empati yang tinggi merupakan asas yang penting dalam membina hubungan yang erat. Tambahan pula, Rasulullah S.A.W. mempraktikkan pendekatan Rahmah dalam mendidik para sahabat dengan menunjukkan kesabaran, prihatin dan penghargaan terhadap kemampuan individu demi merapatkan hubungan dan dakwah yang berterusan. Pendekatan muaddib menunjukkan bahawa pendidik perlu menunjukkan sifat prihatin terhadap pemahaman dan keperluan pelajar malah memahami kemampuan mereka agar sesuai dengan perkembangan(Salinda & Mohamad Zulkifli, 2022). Hal ini menjadikan hubungan yang dicipta dengan rasa kasih sayang menjadikan pelajar berasa dihargai dan selamat untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses PdP. Selain itu, pendidik juga perlu menegur kesilapan pelajar secara berhemah dan hikmah agar pelajar berlapang dada menerima nasihat tanpa berasa terasing daripada proses Pdp.(Adibah et al., 2019).

Walau bagaimanapun, dimensi rahmah dalam hubungan pedagogi masih perlu diberi penekanan agar proses PdP tidak hanya mengutamakan penyampaian kandungan kurikulum dan pencapaian akademik. Pengabaian hubungan kemanusiaan dalam pendidikan akan menyebabkan pendekatan yang berorientasikan penyampaian info dan maklumat. Malah, interaksi yang berkualiti antara pendidik dan pelajar perlu seiring dengan pembentukan adab dan akhlak. Justeru, hubungan pendidik dan pelajar yang rahmah membolehkan nilai dan adab dipindahkan secara lebih berkesan melalui pengalaman pembelajaran yang autentik.

### **d. Hikmah Pedagogi**

Kebijaksanaan pendidik dalam memilih pendekatan, pengajaran yang sistematik dan cara berinteraksi dengan pelajar adalah hikmah pedagogi yang menjadi amalan PdP. Malah,

hikmah dalam konteks ini melibatkan keupayaan pendidik membaca situasi pembelajaran . Selain itu, pendidik juga perlu memahami tahap perkembangan pelajar dan penyesuaian penyampaian ilmu dengan baik, bertahap dan memberi makna. Dimensi ini penting kerana matlamat pengajaran ialah pembentukan kefahaman yang membaca perubahan diri dan pembinaan adab (Suhailah et al., 2021). Al-Quran menekankan tentang proses menyeru untuk membimbing manusia perlu dilaksanakan dengan hikmah dan maw'izah hasanah. Allah S.W.T. berfirman dalam Surah an-Nahl 16: 125:

“Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik”

Ayat ini menunjukkan bahawa pengajaran yang berkesan memerlukan pertimbangan, tahap penerimaan dan situasi sasaran (mad'u) bukan hanya menepati kandungan. Pedagogi hikmah bertujuan untuk membantu pelajar memahami akhlak dan etika dan membimbing pelajar mencari makna daripada pengalaman pembelajaran (Syahirah Jarawi & Zulkifli, 2020). Pendekatan ini berupaya meningkatkan kemahiran berfikir melalui keupayaan menaakul, kreativiti serta perkembangan interpersonal dan personal pelajar. Oleh itu, pedagogi hikmah menuntut pendidik memilih cara yang paling sesuai untuk pelajar memahami dan mengamalkan khususnya amalan ajaran Islam. (Suhailah et al., 2021)

Muqaddimah Ibn Khaldun melihat pendidikan sebagai proses kebolehan dalaman atau malakah yang menjadi rutin intelektual dan amali terbina melalui latihan, pengulangan dan pengalaman yang tersusun. Pembentukan malakah ini dilaksanakan melalui kaedah tadarruj (beransur-ansur) dan tikkar (pengulangan) kerana pelajar tidak dapat menguasai ilmu yang kompleks secara terburu-buru. (Mohd Zahirwan Halim et al., 2021; Nudin et al., 2022) Pemikiran ini menjadikan hikmah pedagogi itu sebagai kebijaksanaan menyusun ilmu secara bertahap bagi mengelakkan beban kognitif dan memberi ruang kepada pengukuhan kefahaman sebelum pelajar mendalami ilmu (Mohd Syaubari, 2020)

Pendekatan dialog, penyoalan dan interaksi dalam model Community of Inquiry membentuk hikmah pedagogi yang dapat meningkatkan kualiti soalan dan memahami Islam dengan lebih mendalam. (Suhailah et al., 2021) menyatakan dalam kajiannya apabila pelajar diberi ruang berfikir, berhujah dan membuat pertimbangan secara terpandu maka, pembelajaran menjadi lebih aktif, reflektif dan bermakna. Hal ini menunjukkan hikmah pedagogi dibantu dengan teknik dan kaedah yang memerlukan latihan membentuk malakah dalam diri pelajar untuk menguasai ilmu. (Mohd Syaubari, 2020). Oleh itu, pedagogi hikmah yang dilaksanakan dengan strategi dan kebijaksanaan muaddib membantu pelajar menguasai ilmu melalui perbincangan yang memupuk inkuiri dan refleksi yang bermakna terhadap amalan PdP.

#### **e. Reflektif dan Muhasabah**

Prinsip muhasabah ditekankan dalam Islam adalah untuk menggalakkan manusia menilai diri sebelum di hisab oleh Allah S.W.T.. Amalan refleksi ialah elemen penting bagi seorang pendidik untuk menilai semula amalan PdP, niat dan pendekatan yang selari dengan matlamat Pendidikan Islam yang menekankan adab dan sahsiah. Muhasabah ialah proses penilaian diri secara konsisten untuk menambahbaik dan memperbaiki amalan PdP agar dapat melaksanakan amanah ilmu. Sehubungan itu, hadis daripada Syaddad bin Aus R.A, bahawa Rasulullah S.A.W. SAW pernah bersabda:

Orang yang cerdik, siapa yang merendahkan dirinya dan beramal untuk bekalan selepas mati. Sedangkan orang yang lemah, siapa yang mengikut hawa nafsunya dan hanya bercita-cita kepada Allah S.W.T.

Hadis ini menunjukkan orang yang cerdas ialah orang yang sentiasa muhasabah diri agar tanggungjawab dapat dilaksanakan sebaiknya. Malah, orang yang sentiasa melaksanakan refleksi sendiri dapat membentuk peribadi yang unggul kerana sentiasa memperbaiki tindakan ke arah yang lebih baik. Prinsip ini menunjukkan bahawa pendidik perlu sentiasa menilai keberkesanan pengajaran serta kesan interaksi mereka terhadap perkembangan pembelajaran. (Masuwai et al., 2024) menekankan bahawa *self assessment* bagi seorang mudarris adalah mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam proses PdP bagi meningkatkan kualiti pengajaran (Masuwai et al., 2023).

Komponen penting dalam pembangunan kompetensi guru ialah menyesuaikan PdP dan pendekatan pedagogi dengan keperluan pelajar. Pendekatan reflektif menjadikan guru berperanan sebagai muaddib yang membimbing perkembangan akhlak dan adab pelajar melalui interaksi pembelajaran yang bermakna. (Salinda & Mohamad Zulkifli, 2022) Walau bagaimanapun amalan refleksi dalam kalangan pendidik adalah terhad kepada aspek teknikal sedangkan amalan refleksi Pendidikan Islam lebih mendalam terhadap dimensi nilai, niat dan hubungan pedagogi. Tambahan pula, konsep pedagogi reflektif perlu bersifat tafakkur dan muhasabah dalam pembinaan makna pembelajaran (Mu'in & Sukari, 2025). Hal ini menunjukkan bahawa refleksi dalam pedagogi muaddib digalakkan menggunakan pendekatan muhasabah terhadap tujuan pendidikan, pendekatan mendidik serta kesan interaksi terhadap PdP.

## **6.0 KUALITI INTERAKSI MUADDIB MEMBENTUK INTERAKSI BERMAKNA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN INTERAKTIF**

Interaksi bermakna dalam PdP melibatkan proses pembentukan makna yang dilaksanakan tidak secara automatik melalui penggunaan strategi pembelajaran aktif mahupun kebolehpayaan teknologi. Namun, kualiti interaksi dipengaruhi oleh karakter pendidik yang berperanan sebagai muaddib yang memandu proses pembelajaran. Keperibadian muaddib seperti adab, akhlak, kasih sayang, teladan, komunikasi berhemah dan disiplin diri turut membentuk kualiti hubungan pedagogi serta penerimaan pelajar terhadap pengajaran (Salinda & Mohamad Zulkifli, 2022)(Ahmad Sukari & Noraziah, 2024). Proses pembentukan makna adalah melalui dialog, bimbingan, maklum balas respon dan hubungan pedagogi. Malah, muaddib berfungsi sebagai asas yang menentukan bagaimana pendidik menafsir situasi pembelajaran, memberi respon terhadap pelajar dan membentuk pengalaman yang lebih bermakna.


Karakter muaddib turut menjelaskan mengapa sesuatu interaksi pedagogi boleh menjadi lebih bermakna, dipercayai, diterima dengan berkesan dalam pembentukan adab pelajar. (Salinda & Mohamad Zulkifli, 2022) Selain itu, kualiti interaksi muaddib dapat difahami melalui orientasi pedagogi yang berteraskan adab dan niat. Oleh kerana pembentukan adab ialah hasil kualiti interaksi maka Al-Attas mencadangkan proses pendidikan yang komprehensif apabila merangkumi kognitif, afektif dan psikomotor dengan menjelaskan bahawa konsep ta'dib meliputi proses *tarbiyah* dan *ta'lim* (Al-Attas, 1999; Ahmad, 2021) Justeru, pendidik yang mempunyai karakter muaddib akan menjadikan niat dan tujuan pengajaran sebagai asas kepada keputusan pedagogi dalam amalan PdP untuk membantu mendidik adab dan akhlak dalam bilik kuliah.

Kualiti interaksi muaddib turut dipengaruhi oleh hubungan pedagogi antara pendidik dengan pelajar. Hubungan dibina berdasarkan kepercayaan, empati dan penghargaan terhadap potensi pelajar. Karakter pendidik yang menepati masa, bercakap sopan, prihatin terhadap kebajikan

dan perkembangan adab pelajar, merendah diri, dan menjaga maruah diri, maka wujud asas kepercayaan dan penghormatan yang menjadikan interaksi lebih daripada sekadar soal jawab dalam kuliah (Salinda & Mohamad Zulkifli, 2022). Pelajar cenderung terlibat secara aktif apabila mereka dihargai dan difahami oleh pendidik. Hal ini menunjukkan hubungan yang positif malah menyokong proses dialog, penyoalan dan refleksi yang membolehkan pelajar membina kefahaman yang mendalam terhadap ilmu.

Interaksi pedagogi memberi lebih bermakna bukan hanya memberikan respon terhadap soalan atau tingkah laku pelajar tetapi membimbing pelajar memahami nilai. Dialog yang reflektif dan bermakna mempunyai respons pedagogi yang membimbing pelajar melibatkan diri secara aktif dan beradab. Pandangan Ibn Khaldun terhadap kesan proses pembelajaran adalah melalui bimbingan pendidik yang membina malakah iaitu keupayaan dalaman (Mohd Zahirwan Halim et al., 2021). Sehubungan itu, kemahiran pedagogi pendidik perlu dimiliki dengan memahami perkembangan pelajar secara bertahap dengan membimbing secara berperingkat agar mampu mengawal pendekatan supaya tidak bersifat keras dan berlebihan (Kamil & Amin, 2023). Pendekatan interaksi pedagogi yang mengandungi hikmah membantu pelajar menguasai ilmu dan membentuk jati diri yang baik dalam amalan kehidupan.

Interaksi kurang bermakna kerana wujud komunikasi dua hala tanpa dipandu oleh karakter muaddib. Rajah menunjukkan kerangka karakter muaddib yang terdiri daripada adab, rahmah, qudwah, hikmah dan muhasabah dalam tindakan pedagogi. Kerangka pada rajah menunjukkan hubungan antara karakter muaddib dan kualiti interaksi pedagogi menjadi penting bagi memperkukuh amalan PdP Pendidikan Islam yang interaktif dan mampu menghasilkan interaksi pembelajaran yang bermakna.



Sehubungan itu, hasil gabungan orientasi pedagogi dan hubungan yang baik melalui kepercayaan dan empati menghasilkan aktiviti interaksi yang berkualiti berasaskan tujuan pengajaran. Pembaharuan yang berterusan dalam Pendidikan Islam dicadangkan Kamil dan Amin, (2023) perlu melibatkan penilaian semula kurikulum, institusi dan proses PdP mencerminkan karakter muaddib yang bersifat reflektif, hikmah dan peka terhadap tuntutan perubahan zaman dan Pendidikan Islam kekal relevan serta memberi manfaat kepada masyarakat (Kamil & Amin, 2023)

## **7.0 IMPLIKASI DAN CADANGAN**

Impak pedagogi interaktif dalam Pendidikan Islam tidak dinilai melalui keaktifan pelajar, penggunaan teknologi atau variasi aktiviti bilik darjah. Namun, kualiti interaksi dalam PdP perlu ditafsir semula melalui karakter pendidik yang berperanan sebagai muaddib. Hal ini kerana interaksi bermakna adalah daripada orientasi pedagogi yang berasaskan adab, niat pengajaran, hubungan yang rahmah, hikmah dalam membuat keputusan pedagogi serta keteladanan dan refleksi profesional pendidik. Implikasi ini memperkukuhkan pendidikan Islam tidak dijalankan melalui instruksional yang terhad. Malah, kerangka ta'dib menunjukkan penyatuan ilmu, amal dan akhlak dalam proses pembelajaran. Oleh hal yang demikian, karakter muaddib perlu diangkat sebagai konstruk pedagogi yang menjelaskan bagaimana interaksi PdP dapat membentuk kefahaman ilmu, kesedaran amanah ilmu dan pembentukan adab pelajar, seterusnya menyumbang kepada pembentukan insan beradab, bukan sekadar pelajar yang aktif memberi respons di dalam kelas (Al-Attas, 1999; Ahmad, 2021; In'ami et al., 2025; Wan Daud, 2010).

Latihan pembangunan profesional pensyarah Pendidikan Islam dalam konteks institusi tidak hanya menumpukan penguasaan kandungan, strategi pengajaran atau penggunaan media digital, tetapi memberi perhatian yang lebih serius kepada pembentukan watak pendidik sebagai muaddib. Hal ini berkaitan dengan pelaksanaan latihan yang menekankan adab dan integriti, kebijaksanaan pedagogi, kemahiran membina hubungan guru-pelajar yang berasaskan empati, amalan teguran berhemah, dialog berorientasikan makna dan budaya muhasabah profesional. Kajian ini penting bagi menunjukkan bahawa pensyarah Pendidikan Islam berperanan besar dalam membentuk penghayatan agama, akhlak dan keperibadian pelajar melalui teladan, interaksi sosial dan cara mereka membimbing pelajar dalam proses pembelajaran. Sehubungan itu, kajian lepas juga menunjukkan bahawa pengajaran Pendidikan Islam masih cenderung berpusatkan guru dan menekankan penyampaian kandungan, sedangkan pendekatan seperti pedagogi hikmah dan pendekatan al-muaddib berupaya mengembangkan kemahiran berfikir, membina komuniti inkuiri, memperkukuh hubungan pedagogi dan membantu pelajar menghayati nilai Islam dengan lebih mendalam (Nurul Asiah Fasehah & Noornajihan, 2021; Salinda & Mohamad Zulkifli, 2022; Suhailah et al., 2021; Ahmad Firdaus et al., 2022).

Oleh itu, kerangka cadangan ini telah membuka ruang kepada kajian empirikal lanjutan untuk menguji bagaimana setiap dimensi karakter muaddib dalam amalan PdP bilik kuliah menunjukkan pengaruh kepada kualiti interaksi pedagogi serta pembentukan malakah. Oleh itu, penyelidikan masa hadapan dicadangkan untuk membangunkan instrumen konseptual, protokol pemerhatian atau model latihan profesional yang berasaskan dimensi karakter muaddib, khususnya dalam konteks Pendidikan Islam di institusi pengajian tinggi dan politeknik. Cadangan ini selari dengan pemikiran Ibn Khaldun bahawa pembentukan keupayaan dalaman pelajar berlaku melalui proses bertahap, pengulangan dan bimbingan yang tersusun, serta dengan gagasan pendidikan Islam yang melihat pembelajaran sebagai proses pembentukan insan, bukan semata-mata pencapaian akademik (Mohd Zahirwan Halim et al., 2021; Kamil & Amin, 2023; Nudin et al., 2022)

## **8.0 PENUTUP**

Kesimpulannya interaksi bermakna dalam PdP Pendidikan Islam bukan semata-mata melalui penggunaan pedagogi interaktif serta tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti. Namun, kualiti interaksi dipengaruhi oleh karakter pendidik yang berperanan sebagai muaddib yang menjadi pembimbing PdP. Perbincangan konseptual berkaitan dengan karakter muaddib ini

menunjukkan bahawa dimensi adab dan integrity. Qudwah hasanah, Rahmah dalam hubungan pedagogi serta reflektif dan muhasabah serta hikmah menentukan bagaimana interaksi pembelajaran dimaknakan oleh pelajar. Interaksi yang dibimbing oleh muaddib membantu pelajar memahami ilmu, membentuk kesedaran dan mengamalkan dengan Tindakan.P

Kerangka konseptual yang menghubungkan karakter muaddib dengan kualiti interkasi telah memberikan perspektif baharu kepada pedagogi Pendidikan Islam. Hal ini kerana isu interaksi PdP perlu dikaji dengan lebih mendalam kerana keterbatasan kemahiran mikro pedagogi dalam kalangan pendidik penting untuk menghidupkan interaksi bermakna. Sehubungan itu, keupayaan pendidik untuk menafsir situasi pembelajaran, memberi respons yang membimbing serta membina hubungan pendidik dan pelajar yang berkualiti akan memastikan pedagogi interaktif bukan hanya menghasilkan penglibatan tetapi mengukuhkan Kemahiran dan pembinaan insan yang beradab.

## RUJUKAN

- Abdul Hamid. (2025). The Role of Adab in the Process of Seeking and Practicing Knowledge from an Islamic Perspective: A Literature Review. *Journal of Islamic Religious Studies*, 2(4), 312–326. <https://www.journal.formadenglishfoundation.org/index.php/Jirs>
- Adibah, S. M., Mohd Nizah, M. A., & Norawavi, A. N. (2019). The Concept of Islamic Education: Teacher-Student Adab. *Sains Insani*, 4(1), 61–67.
- Ahmad. (2021). Konsep Ta'dib Syed Muhammad Naquib Al-Attas dan implikasinya dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Studi Islam*, 13(1). <https://jurnalannur.ac.id/index.php/An-Nur>
- Ahmad Firdaus, M. N., Khairunnisa, A. S., Ahmad Bakhtiar, J., Fathiah, F., & Jaapar, K. (2024). The elements of exemplary behaviour among excellent lecturers of islamic education in polytechnics. *Insight Journal*, 11(2), 454–462.
- Ahmad, N., & Undang Ruslan, W. (2024). Konsep adab menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas. *Jurnal Penelitian Dan Pemikiran Keislaman*, 11(1), 43–57.
- Ahmad Sukari, M., & Noraziah, A. N. (2024). Amalan penerapan qudwah hasanah guru dalam kalangan guru pdpp dan pdp Institut Pendidikan Guru Zon Utara. *Jurnal Paradigma*, 27(1), 205–226.
- Al-Attas, S. M. N. (1999). *The concept of education in Islam a Framework for an Islamic Philosophy of education*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Bambang, M. I., & Wekke, I. S. (2025). in Islamic Education from the Perspective of Al-Attas Moh In'ami, \* Bambang \*\* & Ismail Suardi Wekke \*\*\*. *Journal of Al-Tamaddun*, 20(1), 145–158.
- Bocca-Aldaqr, F. (2019). How Can Education Be Islamic? Al-Attas and Al-Farūqī's Frameworks in Contemporary Debate. *Journal of Education and Human Development*, 8(4), 49–53. <https://doi.org/10.15640/jehd.v8n4a7>
- Ferrari, R. (2015). Writing narrative style literature reviews. *Medical Writing*, 24(4), 230–235. <https://doi.org/10.1179/2047480615z.000000000329>
- Halstead, J. M. (2004). An Islamic concept of education. *Comparative Education*, 40(4), 517–529. <https://doi.org/10.1080/0305006042000284510>
- Irpan, I., Sri, W., Aan, H., & Samsul Arifin, B. (2023). Islamic Educational Values as the Core of Character Education. *Edutec : Journal of Education Technology*, 7(2), 406–417.

- Kamil, I., & Amin, K. (2023). Ibn Khaldun's Thoughts on Islamic Education (Instrumental Pragmatist) and Their Relevance to Contemporary Islamic Education. *Intiqad: Jurnal Agama Dan Pendidikan Islam*, 15(1), 26–39. <https://doi.org/10.30596/14434>
- Khairunnisa, A. S., Ahmad Firdaus, M. N., Muhd Imran, A. R., Mohd Farhan, A. R., & Nor Adlina, A. K. (2025). Youth and emotional well being through worship. *Islamic Journal of Cultural Studies (IJCS)*, 1(1), 49–56.
- Masuwai, A., Zulkifli, H., & Hamzah, M. I. (2024). Self-assessment for continuous professional development: The perspective of Islamic Education. *Heliyon*, 10(19). <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2024.e38268>
- Masuwai, A., Zulkifli, H., & Tamuri, A. H. (2023). The Importance of Self-Assessment for Islamic Education Teacher as Mudarris. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(2). <https://doi.org/10.6007/ijarped/v12-i2/17282>
- Mohd Syaubari, O. (2020). Isu Dan Permasalahan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Amalan Pengajaran Guru Menurut Pandangan Ibn Khaldun. *Malaysian Journal for Islamic Studies*, 4(1), 94–106. <https://journal.unisza.edu.my/mjis>
- Mohd Zahirwan Halim, Z. A., Nooraileen, I., Abd. Munir, M. N., Hamdi Rahman, M. Y., Ahmad Rozaini, A. H., & Juriah, M. A. (2021). The Impact of Malakah Based on Halaqah at Pondok Learning Institutions. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(5). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v11-i5/10017>
- Mu'in, A., & Sukari. (2025). Beyond Technical Efficiency: Integrating Islamic Reflective Pedagogy into Digital Learning Design. *Assyfa Journal of Islamic Studies*, 3(1), 97–120. <https://doi.org/10.6160/ajis.v3i1.616>
- Norliza, H., & Hidayat, A. (2021). Pendidikan nilai-nilai Islam dalam pembentukan keperibadian murid. *Jurnal Peradaban Melayu*, (16), 19–30. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol16.1.3.2021>
- Nudin, B., Akbar, I., Roy Purwanto, M., & Dewantoro, H. (2022). Learning Method of Ibnu Khaldun. *KnE Social Sciences*, 69–85. <https://doi.org/10.18502/kss.v7i10.11346>
- Nurul Asiah Fasehah, M., & Noornajihan, J. (2021). Watak Pendidik Merentas Tahap Pengajian: Aplikasi konsep 5 M. *Sains Humanika*, 13(2), 45–53.
- Salbiah, M. S., Jamil, A., Mohd Aderi, C. N., & Aminudin, H. (2018). Profil Akhlak Guru Pendidikan Islam Di Malaysia. *UMRAN, International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 5(1), 80–93. <http://jurnalumran.utm.my/index.php/umran>
- Salinda, S., & Mohamad Zulkifli, A. G. (2022). Pendekatan Al-Muaddib Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Pendidikan Islam. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2), 241–259. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/228/166>
- Snyder, H. (2019). Literature review as a research methodology: An overview and guidelines. *Journal of Business Research*, 104, 333–339. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2019.07.039>
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi, & Muhammad Azhar Zailani. (2016). Akhlak Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Teacher's Good Behaviour in Teaching and Learning the Islamic Education. *Akademika*, 86(2), 31–42. <http://doi.org/10.17576/akad-2016-8602-02>

- Suhailah, H., Mohd Kaziman, A. W., & Rosnani, H. (2021). Improving student;s inquiry skills in Islamic Education through hikmah pedagogy and Community of Inquiry. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 18(2), 189–214. <https://doi.org/10.32890/mjli2021.18.2.7>
- Sukhera, J. (2022). Narrative Reviews: Flexible, Rigorous, and Practical. *Journal of Graduate Medical Education*, 14(4), 414–417. <https://doi.org/10.4300/JGME-D-22-00480.1>
- Suyono, Diky Ardha Sundawa, Rizaldi Isnanta, Jailani, & Bahtiar Siregar. (2026). the Concept of Ta’Dib in Islamic Education As a Solution To the Digital Ethics Crisis Among Students: the Perspective of Syed Muhammad Naquib Al-Attas. *Multidisciplinary Indonesian Center Journal (MICJO)*, 3(1), 1063–1071. <https://doi.org/10.62567/micjo.v3i1.1942>
- Syahirah Jarawi, N., & Zulkifli, H. (2020). Pedagogi hikmah dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam Pendidikan Islam. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 90–102.
- Wan Daud, W. M. N. (2010). Ta’ dib as a Comprehensive Concept of Education in Islam; Its Historical Significance and Contemporary Relevance. *International Journal of the Asian Philosophical Association*, 3(1).